

17 JUL 2000

COUNTRY HEIGHTS/I

JUALAN KUKUH BAGI LOT BANGLO DI BORNEO HIGHLANDS RESORT

Oleh: Mohsin Taib

KUCHING, 17 Julai (Bernama) -- Lot banglo di Borneo Highlands Resort, pusat peranginan golf dan hutan yang terletak di ketinggian kira-kira 1,000 meter dari atas paras laut di Penrissen Range, Sarawak, mendapat sambutan baik daripada pembeli-pembeli tempatan.

Sejumlah 350 lot banglo bernilai RM130 juta dirancang dibina di pusat peranginan itu, kata pengarah urusan Country Heights Holdings Bhd (CHHB), Tan Sri Lee Kim Yew, pemaju pusat peranginan itu.

Sehingga kini, 57 lot telah ditawarkan di bawah fasa pertama dan kedua pembangunan. Syarikat itu berjaya memperolehi lapan jualan dan lebih 20 lot lagi telah ditempah walaupun kempen promosinya belum dijalankan sepenuhnya.

Kebanyakan pembeli adalah dari Sarawak.

Lee berkata pencapaian jualan setakat ini boleh dianggap sebagai satu yang membanggakan memandangkan kos tanah berharga di antara RM60 dan RM100 bagi satu kaki persegi.

Justeru, lot terkecil berukuran 6,000 kaki persegi akan menelan kos kira-kira RM350,000 dan pembeli perlu memperuntukkan RM250,000 lagi untuk membina banglo.

Lee berkata tarikan utama pusat peranginan tanah tinggi tersebut adalah kelab golf 66 bilik, lapangan golf 18 lubang, taman musim bunga antarabangsa dan taman bunga kekwa.

"Saya berharap Borneo Highlands Resort akan diiktiraf sebagai satu daripada pusat peranginan tanah tinggi terbaik dan model bagi semua pembangunan tanah tinggi di masa depan (di negara ini)," katanya kepada pemberita selepas majlis perasminan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu.

Lee yakin sebaik sahaja dimajukan sepenuhnya, pusat peranginan itu yang terletak kira-kira 70 km ke selatan Kuching dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda, akan menjadi pesaing kepada taman-taman yang sudah popular dan terkenal di Belanda.

"Kami mahu menunjukkan kepada dunia bahawa kemudahan eko-pelancongan Malaysia adalah antara yang terbaik," katanya. "Saya percaya kita boleh melakukannya."

Dalam usaha untuk melindungi persekitaran hutan yang masih belum tercemar, pusat peranginan itu hanya akan menerima 100 pengunjung bagi kunjungan harian dan 80 bagi tetamu yang bermalam, pada setiap hari.

Borneo Highlands Resort sudahpun menelan kos kira-kira RM100 juta. Untuk terus memajukan pusat peranginan itu, Country Heights sedang cuba mendapatkan pembiayaan ekuiti, yang dijangka dalam bentuk perkongsian strategik untuk mengumpulkan RM100 juta lagi bagi membina hotel lima bintang, sebuah taman bunga dan tambahan 90 chalet daripada 10 ketika ini.

Lee berkata beliau lebih suka memilih pembiayaan seumpama itu berbanding pembiayaan bank kerana ia tidak akan menekan kedudukan kewangan kumpulan.

"Selepas mengharungi kegawatan ekonomi yang lalu, saya memilih untuk tidak mendapatkan pembiayaan dari bank," tambahnya.

Borneo Highlands Resort adalah usaha sama 70:30 antara Country Heights dan Lembaga Penjagaan dan Pembangunan Tanah Sarawak.

Borneo Highlands Resort baru-baru ini melancarkan keanggotaan golf dan mensasarkan untuk mendapat 888 anggota. Yuran keanggotaan golf sebanyak RM100,000 ditawarkan pada diskaun RM60,000 kepada 100 anggota pertama. --

BERNAMA

MOT ZK OS